



A AB *2023*

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN



4 NOVEMBER . THE CHEVRONS



AGAB *2023*

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN



فيسالان كوروم بهاس مالايو

Berita Harian



Malay Language Learning
and Promotion Committee

Sekapur Sirih



Dr Mohamad Maliki Osman
Menteri, Pejabat Perdana Menteri;
Menteri Kedua (Kementerian Pendidikan dan
Kementerian Ehwat Luar); dan
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC)



Encik Mohd Fahmi Aliman
Datuk Bandar, Daerah Tenggara
Pengerusi, Majlis Bahasa
Melayu Singapura (MBMS)



Encik Efsan Rizal Rahwom
Presiden, Persatuan Guru
Bahasa Melayu (PGBM)



Encik Mohd Nazry Mokhtar
Editor, Berita Harian (BH)

**Ucapan tahniah kepada para penerima AGAB 2023
daripada badan-badan penyokong AGAB 2023**

Seulas Pinang



Dr Mukhlis Abu Bakar

Ahli
Majlis Bahasa
Melayu Singapura
(MBMS)



**Encik Abdul Harris
Sumardi**

Ahli
Persatuan Guru
Bahasa Melayu
(PGBM)



**Encik Mohd Saat
Abdul Rahman**

Perunding Kanan
Projek Khas
SPH
(BH)



Puan Salbiah Abas

Ahli
Jawatankuasa
Pembelajaran
dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa
Melayu
(MLLPC)

Pada tahun ini, seramai tiga lagi guru diiktiraf sebagai penerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) atas kecemerlangan dan sumbangan mereka untuk melestarikan dan memajukan bahasa Melayu. Kami yakin bahawa, para penerima AGAB ini akan terus menjadi suri teladan kepada guru-guru lain dengan kewibawaan mereka.

Cabaran yang dilalui oleh guru semakin hebat dalam dunia yang kian pesat berubah. Selain menjadi penggerak utama untuk memperjuangkan bahasa dan budaya Melayu, guru juga menjadi pemangkin dalam membentuk keperibadian para pelajar mereka agar menjadi seseorang yang berilmu lagi berbudi. Sebagai nakhoda yang mengemudi pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah, komitmen guru dan jasa bakti mereka amatlah besar dan tidak ternilai.

Semoga pengiktirafan ini menjadi pendorong kepada para penerima AGAB untuk meneruskan usaha dan semangat mereka demi membangunkan generasi masa depan yang cemerlang.

Warna merah sulam sembilan,
Benang biru bunga kecubung;
Ilmu dicurah tanpa batasan,
Jasanya guru bersama disanjung.

Tahniah diucapkan kepada para penerima AGAB tahun ini!

Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Arif Budiman ialah visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dan anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

Takrif 'Arif Budiman'

'Arif Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/ Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/ Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 74 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

Tahun	Nama Guru	
2007	Mohd Naim Daipi Ishak Abdul Latiff	Elmi Zulkarnain Osman Nur Ashikin Sapri
2008	Salina Hussin Mohd Khir Sapuan	Sazali Sahri Abdul Malek Ahmad
2009	Halimatussa'diah Jaffar Haryati Surana	Aryanti Mohd Mudakir Noraishah Mostapa
2010	Muliana Mohammad Nurisham Ismail Norashikin Abdul Hamid	Hafsah Mohd Kassim Haniza Abdul Manan
2011	Aryanti Sukairi Farizan Md Amin	Salha Mohamed Hussain
2012	Safidah Samsudin Massuniza Ismail	Supandi Djoeraemi Muslim Hanafiah
2013	Norwati Sulaiman Rasidah Mohd Rasit Nazarudin Abdul Bakar	Rashidah Rajah Effendy Ahmadi Muhammad Irwan Jamal
2014	Azizah Shaik Abdul Kadir Zaleha Ahmad Yahida Yahya	Ridzuan Abraham Nuraina Mohamed Sin Nurbayah Ismail
2015	Norazlina Abdul Jalil Nurisha Hamid	Nur'Abidah Abdul Rahman Marliana Mohd Rashid
2016	Norafizah Shariff Rashidah Abdullah	Azah Binte Abdul Aziz Azhar Abdul Rashid Siti Zainab Zainal
2017	Dr Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz Djohan Abdul Rahman Mohd Jamalludin Mohd Affandi	Fauziah Mohamed Ata Nurhiza Mohamed
2018	Rita Zarina Mohd Nazeer Roslie Buang Sidik Mohd Zareen Mohd Shariff	Amirul Asri Hussin Khairyanie Kamsani
2019	Arfah Buang Siti Mariam Manshor Sabrina Samsuri	Muhammed Andi Mohammed Zulkepli Nurhafaiza Hanem Abdul Azal Norasiken Mohamed Noor
2020	Elna Hussin	Nur Syahirah Sa'adon Siti Rohani Hanim Selamat
2021	Manisah Osman Zulhafiz Zainal Mohd Fuad Salim	Nor Azlin Abdul Aziz Shahedah Salim
2022	Mohamad Firuz Jelaludin Dr Zainaba Omar Irmawati Mascom	Nurul Syakinah Sahak Nurul Huda Muhammad Yassin

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2023

Anugerah Guru Arif Budiman 2023 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2023 terdiri daripada:

Pengerusi Bersama

Dr Mohd Mukhlis Abu Bakar (MBMS)
Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM)
Encik Mohd Saat Abdul Rahman (BH)
Puan Salbiah Abas (MLLPC)

Anggota Sekretariat

Cik Rita Goh (MBMS)
Cik Liyana Nasyita Shukarman (MBMS)
Encik Efsan Rizal Rahwom (PGBM)
Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM)
Encik Taufek Siniwi (PGBM)
Encik Ismail Ja'afar (PGBM)
Puan Nur Fathin Awaludin (BH)
Puan Noor Azimah Mohd Haad (MLLPC)
Puan Rabiah Rahmat (MLLPC)
Encik Muhammad Andi Mohd Zulkepli (MLLPC)
Puan Noorlin Haron (MLLPC)

Dikau Guru Arif Budiman

Nyanyian: Syah Riszuan
Seni Kata: Abdul Harris Sumardi, Tajudin Jaffar dan Zafilin Abdul Hamid
Seni Lagu: Djohan Abdul Rahman dan M Ilyia (Meraqi Studios)

Dikaulah Guru Arif Budiman
Dikau perangsang dikau teladan
Pejuang lestari bahasa
Menjunjung budaya bangsa
Kemudi pelbagai peran
Mencorak masa depan watan

Mengasuh menuntun
Membimbing menghibur
Bijak menyusun, tekun mengatur
(Demi nusa demi bangsa
demi nusa bangsa)

Sumbangan jelas ketara
Perkukuh nilai perkasa minda
Hingga menggapai puncak sejahtera

Pengorbananmu tanpa jemu
Perjuanganmu jitu sepadu
Dikau Guru Arif Budiman
Aspirasi zaman-berzaman



Arca Anugerah Guru Arif Budiman 2023 diilhamkan daripada daun sirih yang tumbuh melilit ke atas.

Dalam kebudayaan masyarakat Melayu, sirih melambangkan sikap rendah diri dan hormat terhadap orang lain. Hal ini dapat dilihat daripada pepohon sirih yang menjalar dan memanjat tanpa merosakkan tumbuhan perumah.

Sirih mempunyai banyak nilai fungsional dalam masyarakat Melayu. Sirih sama ada digunakan sebagai bahan tunggal atau digabungkan dengan bahan lain berguna dalam perubatan tradisional. Sirih turut dijadikan lambang komunikasi antara dua pihak bagi menunjukkan tanda hormat. Oleh sebab itulah, sirih sering digunakan dalam upacara rasmi dan adat-istiadat masyarakat Melayu.

Justeru simbol sirih ini sesuai dengan nilai dan keperibadian seorang guru yang arif lagi budiman. Guru AGAB bukan sahaja memainkan peranan penting untuk memartabatkan bahasa dan budaya Melayu serta menyumbang kepada masyarakat. Malah, sikap merendah diri dan sentiasa hormat terhadap orang lain harus menjadi ciri yang dipamerkan pada setiap masa.

Anugerah Guru

Kategori Perangsang



Cikgu Hairani Asri (Penerima AGAB 2023)

Cikgu Nur Amalina Shalan (Penerima AGAB 2023)

Cikgu Nur Syifaa' Hussin (Finalis AGAB 2023)

Cikgu Nurul Amelia Akhtiar (Finalis AGAB 2023)

Cikgu Nailul Shakhira Mohd Rusli (Finalis AGAB 2023)

Arif Budiman 2023

Kategori Teladan



Dr Fawziah Ali (Finalis AGAB 2023)

Cikgu Noraini Karsani (Penerima AGAB 2023)

Cikgu Nur Farahin Salleh (Finalis AGAB 2023)

Cikgu Seri Rahayu Othman (Finalis AGAB 2023)



Cikgu Hairani Asri **Sekolah Rendah Punggol**

Titik mula kerjaya saya sebagai seorang pendidik bermula di Sekolah Rendah Punggol setelah tamat pengajian di Institut Pendidikan Nasional (NIE) sembilan tahun yang lalu. Saya masih ingat darah gemuruh yang saya rasakan ketika mula mengajar kelas pertama saya di bawah bimbingan guru-guru mapan, iaitu Cikgu Norwati Sulaiman dan Cikgu Fauziah Mydin. Tahun-tahun berikutnya membentuk saya menjadi guru berpengalaman yang inovatif dengan pendedahan kepada latar belakang murid yang berbeza-beza. Pada masa yang sama, saya juga menyaksikan landskap pendidikan yang

Kategori Perangsang **Penerima**

berubah pesat. Saya juga diberikan peluang untuk membina bahan bacaan Siri Nabil Nabilah yang pertama. Pada tahun ini, saya menggalas tanggungjawab sebagai guru penyelaras bagi peringkat darjah satu hingga tiga.

Antara cabaran yang saya hadapi sebagai guru adalah untuk membina bilik darjah yang inklusif memandangkan profil murid yang semakin rencam. Saya juga harus peka terhadap murid-murid berkeperluan khas di dalam bilik darjah. Saya juga menghadapi cabaran untuk mengajar murid-murid darjah satu yang kurang fasih bertutur bahasa Melayu. Oleh itu, bahan-bahan pengajaran harus memastikan keperluan-keperluan pembelajaran ini.



Banyak sekali kenangan manis yang saya raih sepanjang kerjaya saya sebagai guru. Saya tidak dapat melupakan pengalaman mengajar seorang murid darjah satu yang tidak suka akan Bahasa Melayu. Enam bulan pertama di sekolah merupakan fasa pergelutan emosi bagi murid tersebut kerana sukar menghadapi perubahan yang mendadak. Namun, saya terus berusaha dan mula melihat perubahan positif dalam diri murid tersebut. Kini, dia menjadi murid pertama untuk sampai ke bilik darjah Bahasa Melayu, mula bertutur dalam bahasa Melayu dan dapat melengkapkan tugas yang diberikan secara sendiri. Ibu bapa murid tersebut memberitahu saya bahawa anak mereka suka akan kelas Bahasa Melayu. Itulah detik paling manis yang akan saya ingat sampai bila-bila.

Saya berharap generasi anak Melayu akan datang tidak kekok berbahasa Melayu dan berusaha untuk melestarikan bahasa dan budaya Melayu. Setiap murid tidak jemu menuntut ilmu dan setiap pendidik pula tidak jemu menjadi penggerak utama kepada pembangunan negara. Besar harapan saya agar nilai-nilai murni yang tersemat dalam diri mereka akan kekal hingga mereka dewasa supaya dapat disampaikan kepada generasi seterusnya.

Bagi saya, Arif Budiman merujuk budi pekerti yang tinggi di samping pencapaian akademik yang cemerlang. Budi pekerti boleh dikiaskan sebagai sebatang kayu manakala pencapaian akademik boleh diibaratkan sebagai emas yang sangat berharga. Setiap manusia biasanya akan memilih emas. Namun, pada saat kita tenggelam, kita akan memegang erat batang kayu dan membuang emas kerana emas akan menarik kita ke dasar laut.

Januari

Senarai tugasan	Ahad		7	14
	Isnin	1 Tahun Baharu	8	15
	Selasa	2	9	16
	Rabu	3	10	17
	Khamis	4	11	18
	Jumaat	5	12	19
	Sabtu	6	13	20

Senarai tugasan	Ahad	21	28	
	Isnin	22	29	
	Selasa	23	30	
	Rabu	24		
<p><i>"Setiap kelemahan murid ialah kekuatan guru. Murid yang lemah akan menjadi hebat melalui kekuatan kita."</i></p> <p>Cikgu Hairani Asri</p>	Khamis	25		
	Jumaat	26		
	Sabtu	27		



Cikgu Nur Amalina Sahlan **Sekolah Menengah Commonwealth**

Saya memulakan perjalanan sebagai guru permulaan dari tahun 2016 hingga 2018 di Sekolah Menengah Shuqun. Di bawah bimbingan dan sokongan guru-guru Bahasa Melayu di sana, saya diberikan kebebasan untuk bereksperimen dengan pelbagai kaedah pengajaran. Di Commonwealth, saya telah diberikan kepercayaan untuk menerajui beberapa inisiatif seperti pertandingan bahas, bengkel penulisan, menonton persembahan teater, program bacaan berteraskan pemikiran kritis dan audio siar.

Kategori Perangsang **Penerima**

Saya juga menerapkan Pendidikan 'Makers' (podcast, penghasilan Zine, penulisan puisi), Pemikiran Reka Bentuk (mengubah suai perpustakaan sekolah) dan Pendidikan Persekitaran (pertanian bandar).

Antara cabaran yang saya hadapi sebagai guru adalah untuk menyedarkan para pelajar tentang kerelevanan dan kepentingan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Dengan penggunaan bahasa Melayu yang berkurangan di rumah, ruang interaksi sosial dalam masyarakat dan tempat kerja, ramai orang berpandangan bahawa bahasa Melayu telah kehilangan nilai kegunaan dan ekonomi. Justeru, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu haruslah mengambil kira tahap kesediaan pelajar. Hal ini akan dapat memastikan suasana kelas Bahasa Melayu seronok dan menarik minat pelajar.



Ada juga ibu bapa yang menyampaikan penghargaan kepada saya kerana memberikan sokongan moral dan menghargai usaha saya dalam mendedahkan para pelajar kepada pertandingan, bengkel penulisan dan persembahan seni. Saya berasa puas apabila melihat dua orang anak didik saya yang masih aktif berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa Bahas 4PIM.

Saya ingin melihat para pelajar saya menjadi insan yang berakhlak murni, bertanggungjawab kepada diri dan keluarga, dan terus berkhidmat kepada masyarakat. Selain itu, mereka akan terus menuntut ilmu yang bermanfaat untuk kehidupan mereka. Hal ini sejajar dengan visi Arif Budiman, iaitu untuk melahirkan insan berilmu pengetahuan yang terus berkhidmat kepada masyarakat.

Satu objek yang menggambarkan pegangan saya sebagai pendidik ialah pena. Pena melambangkan kuasa. Saya mendapat inspirasi daripada Paulo Freire yang mengedepankan pemikiran dan pedagogi kritis. Saya melihat diri saya bukan sekadar guru yang mendidik pelajar, tetapi juga pelajar yang sentiasa belajar daripada mereka. Saya berpegang kepada prinsip pendidikan yang berpusatkan pelajar dengan memberi mereka kuasa dan suara bersama dalam mengemudi pembelajaran. Saya ingin para pelajar saya bersikap bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri dan rakan-rakan sekelas mereka. Mereka juga harus ada sikap ingin tahu tentang pelajaran dan dunia di sekeliling mereka.

Februari

Senarai tugasan	Ahad		4	11 **Tahun Baharu Cina
	Isnin		5	12 *
	Selasa		6	13 **
	Rabu		7	14
	Khamis	1	8	15
	Jumaat	2	9	16
	Sabtu	3	10 *Tahun Baharu Cina	17

* 12 Feb merupakan cuti umum

** 13 Feb merupakan cuti sekolah

Senarai tugas	Ahad	18	25	
	Isnin	19	26	
	Selasa	20	27	
	Rabu	21	28	
<p><i>"Guru yang mempunyai kesedaran akan melahirkan pelajar yang sedar akan diri, masyarakat dan dunia."</i></p> <p>Cikgu Nur Amalina Sahlan</p>	Khamis	22	29	
	Jumaat	23		
	Sabtu	24		



Cikgu Noraini Karsani **Sekolah Rendah New Town**

Dalam perjalanan saya sebagai guru Bahasa Melayu, saya memberikan fokus kepada usaha untuk memahami keperluan dan kebolehan setiap murid. Setelah saya memegang jawatan Ketua Subjek Bahasa Melayu, saya bekerjasama dengan rakan sekerja saya untuk memberi impak yang lebih mendalam terhadap perkembangan bahasa, budaya dan literasi murid-murid. Setelah saya menyandang jawatan sebagai ketua peringkat, tugas saya mempunyai kesan bukan sahaja kepada murid-murid yang saya ajar bahkan hampir seluruh sekolah. Selepas saya

Kategori Teladan **Penerima**

memutuskan untuk menjadi Guru Kanan Bahasa Melayu, saya mula belajar menguruskan keperluan murid yang berbeza-beza.

Setiap murid mempunyai tahap pencapaian yang berbeza dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Namun, mengajar murid-murid yang mempunyai pelbagai kemahiran bahasa merupakan cabaran terbesar saya. Saya menggunakan pendekatan Pengajaran Pembedaan atau *Differentiated Instruction* (DI). Saya harus mencari cara untuk memberikan bantuan tambahan kepada murid yang memerlukan sokongan tambahan tanpa mengabaikan murid-murid yang lebih cemerlang.



Saya tidak dapat melupakan detik manis apabila anak didik saya berjaya. Ada yang telah berjaya dan menceburi bidang kerjaya seperti bidang lakonan. Harapan saya sebagai guru adalah untuk melaksanakan satu perubahan yang menyeluruh dan bersepadu dengan melahirkan murid yang lebih kreatif dan inovatif.

Pengalaman yang saya tidak dapat lupakan adalah semasa saya mendapat Pingat Kepujian (Commendation Medal) sempena Hari Kebangsaan. Selama saya berkhidmat sebagai pendidik, saya hanya menginginkan apa-apa yang saya ajarkan kepada murid-murid saya dapat memberi impak dan berguna dalam kehidupan mereka.

Satu objek yang dapat menggambarkan pegangan saya ialah 'mikrofon'. Mengapa mikrofon? Mikrofon melambangkan pembesar suara. Sepanjang kerjaya saya sebagai seorang pendidik, saya sering menggalakkan anak murid saya untuk bersuara dan tidak takut untuk melakukan kesilapan. Saya juga menganggap mikrofon ini sebagai wadah untuk saya memperkenalkan budaya Melayu melalui, pantun, puisi, berpidato dan juga bercerita.

Mac

Senarai tugasan	Ahad		3	10
	Isnin		4	11
	Selasa		5	12
	Rabu		6	13
	Khamis		7	14
	Jumaat	1	8	15
	Sabtu	2	9	16

Senarai tugasan	Ahad	17	24	31
	Isnin	18	25	
	Selasa	19	26	
	Rabu	20	27	
<p><i>"Orang yang hebat dapat menghasilkan beberapa karya yang bermutu. Namun, seorang pendidik dapat melahirkan ramai orang yang hebat."</i></p> <p>Cikgu Noraini Karsani</p>	Khamis	21	28	
	Jumaat	22	29 Good Friday	
	Sabtu	23	30	



**Cikgu Nurul Amelia
Akhtiar**
Sekolah St. Stephen

Peluang untuk menimba ilmu dan berkongsi ilmu yang ada pada saya merupakan pengalaman yang amat bermakna dalam kerjaya saya sebagai pendidik. Saya telah diberikan peluang untuk bekerjasama dengan beberapa buah sekolah untuk mengambil bahagian dalam kumpulan NLC. Melalui peluang ini juga, saya telah berkesempatan untuk membentangkan kertas dalam persidangan *Redesigning*

Kategori Perangsang
Finalis

Pedagogy International Conference@NIE pada tahun 2017 dan juga mengendalikan bengkel iMTL untuk guru-guru di AST pada tahun 2018. Saya juga telah diberikan peluang untuk membawa pelajar darjah 5 berdarmawisata ke Melaka untuk belajar tentang adat orang Melayu dan belajar cara guru-guru di Melaka mengendalikan kelas mereka. Saya juga merupakan guru disiplin, mewakili unit Bahasa Melayu. Peluang ini semua telah mengajar saya bahawa pasti ada perkara baharu yang dapat dipelajari daripada setiap pengalaman.

Salah satu cabaran mengajar Bahasa Melayu adalah untuk mengajar subjek bahasa kepada pelajar-pelajar lelaki yang secara umum lebih berminat akan subjek seperti Matematik dan Sains. Pada mulanya, sebagai seorang guru permulaan, saya tidak pasti cara yang terbaik untuk menarik minat pelajar-pelajar saya. Mereka sering kelihatan bosan dan asyik membuat tugas sendiri dalam kelas. Setelah membuat refleksi dan banyak percubaan, akhirnya saya dapat menarik minat mereka. Saya telah cuba menyelitikan video rekaan sendiri dan permainan dalam talian. Pelajar lelaki juga suka bersaing. Oleh itu, saya sering mempunyai pertandingan antara kumpulan.



Salah seorang pelajar saya sering ditegur di dalam kelas kerana cuai semasa membuat kerja dan tidak menghantar tugas tepat pada masa. Namun, dia tidak pernah berputus asa dalam kelas Bahasa Melayu dan selalu ingin mempertingkatkan kemahirannya dalam Bahasa Melayu. Saya juga sering berhubung dengan ibunya untuk berbincang tentang perkembangan pembelajaran anak beliau. Pada Hari Guru 2021, saya menerima kad Hari Guru daripadanya. Dalam kadnya, dia mengungkapkan ucapan yang membuat saya sangat terharu dan telah mengingatkan saya sebab saya menjadi guru.

Saya berharap agar setiap pelajar diberikan peluang untuk mempertingkat diri mereka supaya dapat berjasa kepada keluarga dan juga kepada masyarakat. Saya berharap mereka dapat mengenali bakat dan kekuatan diri masing-masing. Setiap pelajar itu mempunyai potensi yang tersendiri dan kadangkala memerlukan seseorang untuk membantu mencungkil bakat tersebut.

Arif Budiman mempunyai makna dan tanggungjawab yang berat. Arif bermaksud guru yang berpengetahuan bukan sahaja dari aspek Bahasa Melayu tetapi juga dari aspek pengetahuan. Guru harus selalu mempertingkatkan diri dan selalu mengikuti isu-isu semasa terutama sekali tentang isu-isu tempatan dan harus tahu tentang trend terkini supaya dapat kekal relevan kepada pelajar zaman sekarang. Budiman pula ialah seseorang yang selalu berjasa kepada masyarakat dan membangunkan masyarakat. Untuk menjadi seorang yang budiman, penting juga untuk menjadi Arif agar dapat tahu cara yang terbaik untuk menabur budi kepada masyarakat. Sama juga dengan menjadi orang yang Arif, perlu sedia berbakti kepada masyarakat agar kearifannya dapat membantu membina masyarakat. Oleh itu, meskipun gelaran Arif Budiman merupakan tanggungjawab yang besar untuk dipikul, Arif Budiman juga membakar semangat saya untuk melakukan yang terbaik untuk murid-murid saya.

April

Senarai tugasan	Ahad		7	10
	Isnin	1	8	11
	Selasa	2	9	12
	Rabu	3	10 Hari Raya Aidilfitri	13
	Khamis	4	11	14
	Jumaat	5	12	15
	Sabtu	6	13	16

Senarai tugasan	Ahad	21	28	
	Isnin	22	29	
	Selasa	23	30	
	Rabu	24		
<p><i>"Yakin akan kebolehan setiap pelajar - tugas kita sebagai guru adalah untuk menyediakan ruang dan peluang."</i></p> <p>Cikgu Nurul Amelia Akhtiar</p>	Khamis	25		
	Jumaat	26		
	Sabtu	27		



**Cikgu Nailul Shakhira
Mohd Rusli**
Sekolah Menengah Guangyang

Perjalanan kerjaya saya bermula sebagai seorang pendidik bersekutu (AED) sebelum diberikan kesempatan untuk menjadi seorang guru Bahasa Melayu tetap di sekolah menengah sehingga ke hari ini. Saya sangat bersyukur kerana berpeluang untuk bertemu, bekerja dan belajar bersama guru-guru yang berdedikasi dan berpengalaman. Mereka tidak lokek berkongsi ilmu bukan sahaja dalam bidang pedagogi tetapi dalam bidang lain juga. Selain itu, pengalaman mengajar pelajar daripada pelbagai

Kategori Perangsang
Finalis

lapisan umur dan latar belakang telah membuka mata saya kepada pendekatan-pendekatan yang berbeza dan membuat penyesuaian diri supaya mereka terus minat akan pembelajaran Bahasa Melayu.

Antara cabaran yang telah saya hadapi berlaku semasa pandemik Covid-19. Saya harus menyesuaikan diri terutama dalam kemahiran ICT saya. Contohnya, kemahiran ICT saya diuji dengan kehadiran pelbagai platform ICT untuk mengajar mengikut kesesuaian pelajar. Namun, ini tidak saya jadikan satu hambatan untuk terus belajar dan melakukan yang terbaik demi pembelajaran pelajar-pelajar saya. Selain itu, kerencaman pelajar yang mempunyai tahap kemahiran bahasa yang berbeza-beza juga merupakan cabaran saya. Namun, hal ini tidak mematahkan semangat saya untuk menyediakan ruang yang selamat untuk pelajar saya memperoleh ilmu yang diperlukan dalam kehidupan mereka.



Detik paling manis yang tidak dapat saya lupakan ialah detik saya menamatkan pengajian peringkat Sarjana pada tahun 2022. Keputusan untuk belajar sambil bekerja bukanlah keputusan yang mudah. Sepanjang pengajian itu, banyak pengorbanan yang saya lakukan demi menggapai segulung ijazah. Namun, dorongan dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti keluarga, rakan-rakan dan pihak sekolah membuatkan keputusan ini sungguh berbaloi.

Perubahan landskap pendidikan Bahasa Melayu akan terus berlaku pada tahun-tahun akan datang. Oleh itu, saya akan terus mempertingkatkan diri dan memperluas kemahiran khususnya dalam bidang pedagogi agar dapat meningkatkan mutu pengajaran saya demi kepentingan pelajar. Saya juga berharap pelajar generasi akan datang dapat melihat kepentingan dan menghargai bahasa dan juga budaya Melayu dalam kehidupan mereka. Pelapis-pelapis inilah yang akan memainkan peranan penting melestarikan bahasa dan budaya Melayu.

Bagi saya, Arif Budiman membawa pengertian tugas guru untuk menyemai dan membangun pelajar yang cemerlang khususnya melalui pendidikan Bahasa Melayu. Guru perlu berpengetahuan dan melengkapkan dirinya bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan bahkan ilmu budaya, seni, agama dan juga aspek kehidupan.

Mei

Senarai tugasan	Ahad		5	12
	Isnin		6	13
	Selasa		7	14
	Rabu	1 Hari Buruh	8	15
	Khamis	2	9	16
	Jumaat	3	10	17
	Sabtu	4	11	18

Senarai tugasan	Ahad	19	26	
	Isnin	20	27	
	Selasa	21	28	
	Rabu	22 Vesak Day	29	
<p><i>"Mendidiklah dengan ikhlas dan tulus agar segala usaha murni diberkati Tuhan."</i></p> <p>Cikgu Nailul Shakhira Mohd Rusli</p>	Khamis	25	30	
	Jumaat	26	31	
	Sabtu	27		



Cikgu Nur Syifaa' Hussin **Sekolah Menengah Ngee Ann**

Saya memulakan perjalanan sebagai guru di Sekolah Tinggi Nan Chiau. Di situlah saya tahu tentang Bahasa Melayu (Program Khas). Saya perlu mengajar kelas Bahasa Melayu di peringkat menengah 5 dan Program Khas dari menengah 1 hingga 4. Saya menerima tanggungjawab ini dengan hati terbuka. Saya melakukan yang terbaik selama mengajar mereka. Selepas itu saya menimba pengalaman di CPDD selama lebih 3 tahun untuk menjayakan program bahasa, membina bahan daripada peringkat

Kategori Perangsang **Finalis**

prasekolah hingga ke maktab rendah mengikut keperluan Unit Bahasa Melayu. Seterusnya, saya menjadi guru bahasa Melayu di Sekolah Menengah Ngee Ann.

Sewaktu bertugas di Sekolah Tinggi Nan Chiau, saya perlu memikirkan pedagogi yang sesuai untuk mengajar Bahasa Melayu dari peringkat asas dan menyesuikannya dengan kemampuan kognitif pelajar yang bukan penutur jati. Cabaran ini membuka peluang perkongsian di MOELC dan CPDD. Kini, selepas 6 tahun, saya melakukan perkara yang sama di sekolah aliran biasa kerana penguasaan bahasa pelajar juga tidak begitu baik. Setelah merenung kembali, cabaran yang dihadapi guru Bahasa Melayu adalah untuk memikat hati pelajar untuk mencintai bahasa dan budaya Melayu. Ini dapat kami lakukan melalui kelas, program dan acara yang boleh dijalankan oleh guru-guru.



Detik paling manis sepanjang perjalanan kerjaya saya ialah sewaktu mantan murid Bahasa Melayu (Program Khas) menjemput saya untuk menghadiri Majlis Penyampaian Biasiswa Perguruan (MOE Teaching Scholarship). Walaupun saya tidak dapat menghadiri acara tersebut sebab tuntutan kerja, saya amat berbesar hati apabila dihubungi Chong Jiaqi, Joey yang kini bertugas sebagai guru subjek Kimia di Sekolah Menengah Serangoon. Menurutnya, kehairahan dan semangat saya mengajar membuatnya terdorong untuk menjadi guru. Hal ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan bagi saya.

Semenjak bergelar guru, saya berazam untuk menyelamatkan anak didik saya daripada kehilangan bahasa dan budaya. Besar harapan saya sekiranya mereka juga dapat menyumbang kepada masyarakat menjadi individu yang arif lagi budiman, iaitu manifestasi kebijaksanaan dan keelokan budi pekerti seseorang yang ditunjukkan seseorang melalui kewibaaannya dari segi pemikiran, pertuturan dan aspek kehidupan lainnya.

Sewaktu saya di Kemboja, saya dan pelajar-pelajar harus membersihkan dan mengecat semula sebuah sekolah. Sewaktu sesi renungan, para pelajar menyatakan bahawa mereka bersemangat untuk melakukan tugas apabila saya turut membantu. Saya sedar bahawa guru sentiasa diperhatikan dan menjadi ikutan pelajar.

Sebuah objek yang melambangkan saya sebagai pendidik ialah peresap udara. Alat ini membolehkan orang lain menghidu bau yang wangi dan menyerap manfaatnya. Saya umpama peresap udara yang boleh mempengaruhi, mencurahkan ilmu dan pengalaman kepada pelajar.

Jun

Senarai tugasan	Ahad		2	9
	Isnin		3	10
	Selasa		4	11
	Rabu		5	12
	Khamis		6	13
	Jumaat		7	14
	Sabtu	1	8	15

Senarai tugasan	Ahad	16	23	30
	Isnin	17 Hari Raya	24	
	Selasa	18	25	
	Rabu	19	26	
<p><i>"Terapkan 3T dalam kerjaya kita: Tekun, Tekal, Tekad.</i></p> <p><i>Tekun: Tekun dalam mengikuti perkembangan pedagogi agar kekal relevan dalam bidang ini.</i></p> <p><i>Tekal: Teguh dengan niat utama untuk mendidik anak bangsa.</i></p> <p><i>Tekad: Tanamkan tekad dalam diri agar dapat menjalankan tugas dengan bertanggungjawab."</i></p> <p>Cikgu Nur Syifaa'Hussin</p>	Khamis	20	27	
	Jumaat	21	28	
	Sabtu	22	29	




Cikgu Seri Rahayu Othman **Sekolah Rendah Wellington**

Perjalanan kerjaya saya sebagai guru Bahasa Melayu selalunya indah mungkin disebabkan saya mempunyai minda yang positif. Saya juga dikelilingi rakan-rakan seperjuangan yang mempunyai matlamat untuk memperjuangkan bahasa serta budaya Melayu kepada generasi mendatang serta meningkatkan prestasi murid-murid kita. Sebagai guru bahasa Melayu, saya perlu memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas dan sekolah saya turut mengikuti perkembangan terkini.

Kategori Teladan **Finalis**

Pada mulanya, sukar untuk saya meyakinkan orang lain untuk cuba menerapkan e-Pedagogi. Saya bertekad untuk menjadi teladan dan membuka pintu bilik darjah saya kepada sesiapa sahaja yang ingin menyaksikan atau mahu belajar cara saya mengendalikan kelas dengan menggunakan e-Pedagogi.

Satu lagi cabaran yang pernah saya hadapi dahulu ialah pelibatan ibu bapa dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Saya amati pelibatan ibu bapa meningkat jika mereka diberikan projek untuk dilakukan bersama anak-anak mereka. Oleh itu, saya cuba menerapkan cara yang serupa di dalam kelas.



Peluang melihat murid-murid saya mengejar impian serta mencapai kejayaan merupakan detik-detik manis yang tidak dapat saya lupakan. Saya ingat lagi, pada tahun 2008, di dalam kelas darjah 6, timbul pelbagai masalah. Saya menggunakan masa itu untuk membantu murid-murid saya membuat refleksi. Mereka mencari sebab tindakan mereka pada waktu itu dan perkara yang ingin dicapai pada masa hadapan. Salah seorang murid saya berkongsi impiannya untuk menjadi seorang pereka fesyen. Beberapa tahun lepas, apabila bekas murid saya itu muncul di kaca televisyen, saya berasa sangat bangga dan terharu.

Saya berharap setiap pelajar saya akan menjadi individu yang arif dan sentiasa menyumbang kepada masyarakat. Mereka harus sedar akan peranan masing-masing dan dengan nilai-nilai yang telah saya terapkan dalam diri mereka, akan menjadi seseorang yang bertanggungjawab, beretika dan berdaya bingkis serta menyumbang untuk memperbaiki keadaan keluarga mereka. Selain itu, saya juga berharap mereka akan terlibat secara aktif dalam memelihara dan meneruskan warisan bahasa dan budaya Melayu yang kaya kepada generasi akan datang.

Lazimnya, kita tahu bahawa 'arif' merujuk kepada akal manakala 'budiman' merujuk kepada tingkah laku mahupun akhlak seseorang. Bagi saya, kedua-dua perkataan ini haruslah bergerak seiringan. Oleh itu, wajarlah individu yang menerima gelaran arif budiman ini sentiasa menjadi teladan kepada orang lain. Beliau merupakan individu yang menggunakan kebijaksanaannya untuk menyumbang kepada masyarakat.

Julai

Senarai tugasan	Ahad		7	14
	Isnin	1	8	15
	Selasa	2	9	16
	Rabu	3	10	17
	Khamis	4	11	18
	Jumaat	5	12	19
	Sabtu	6	13	20

** 1 Julai merupakan cuti sekolah

Senarai tugasan	Ahad	21	28	
	Isnin	22	29	
	Selasa	23	30	
	Rabu	24	31	
<p><i>"Bersama-sama kita membentuk generasi masa depan dengan ilmu, kasih, dan teladan."</i></p> <p>Cikgu Seri Rahayu Othman</p>	Khamis	25		
	Jumaat	26		
	Sabtu	27		



Dr Fawziyah Ali **Sekolah Menengah Compassvale**

Kerjaya saya sebagai guru Bahasa Melayu bermula sejurus sahaja saya tamat pengajian peringkat A. Kerjaya saya di sekolah rendah telah memberikan asas yang kukuh dalam pengajaran Bahasa Melayu. Setelah 10 tahun mengajar di sekolah rendah saya mengambil peluang untuk mengambil ijazah sarjana muda di Institut Pendidikan Nasional sebagai kumpulan perintis. Kemudian, saya meneruskan pengajian ke peringkat sarjana melalui Program Sarjana Pendidikan dalam Bahasa Melayu (PDCM) sambil mengajar di sekolah menengah. Pada tahun 2015-2018, saya melanjutkan

Kategori Teladan **Finalis**

pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam Bahasa Melayu secara sepenuh masa di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Antara cabaran yang amat terkesan ialah kepentingan yang saya berikan dalam memperbaharu pengetahuan dan kemahiran untuk mengikuti perkembangan terkini dalam pendidikan. Untuk mengemas kini kemahiran saya, saya mengikuti bengkel-bengkel terutamanya dalam talian agar saya dapat mengaplikasikan kemahiran baharu yang saya raih dalam pengajaran saya. Pelajar mempunyai tahap kecerdasan dan kemampuan yang berbeza. Justeru, saya terus mendalami ilmu dalam merancang pengajaran yang relevan dan sesuai dengan tahap pelajar-pelajar saya.



Detik paling manis yang tidak dapat saya lupakan adalah ketika 71% pelajar-pelajar Normal Akademik saya meraih kepujian pada tahun 2021. Pelajar-pelajar ini mula memaparkan perubahan sikap yang positif dalam Semester 2. Malah, saya amat bersyukur apabila seorang pelajar saya yang tinggal bersama ibu angkatnya mendapat keputusan cemerlang walaupun pada awalnya, agak sukar untuk mendapatkan tugasan daripadanya kerana seringkali bermain di dalam kelas.

Harapan saya mencerminkan komitmen saya dalam memberikan pendidikan yang bermakna kepada pelajar-pelajar saya. Saya berharap dapat membantu pelajar-pelajar saya mengatasi cabaran-cabaran dalam kehidupan termasuk kesukaran dalam akademik mahupun isu peribadi melalui pembentukan peribadi pelajar dengan menyemai nilai-nilai murni. Nilai-nilai inilah yang akan membawa kejayaan yang berkekalan dalam diri mereka. Saya ingin membangkitkan rasa minat dalam pelajaran dan semangat belajar sepanjang hayat dalam diri pelajar-pelajar saya. Saya pasti nilai-nilai murni ini akan membantu mereka menjadi individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan berjaya dalam masyarakat serta memiliki pendidikan yang berkualiti.

Arif Budiman melampangkan kebijaksanaan individu yang penuh sifat santun dalam hubungan dengan orang lain. Arif Budiman turut memaparkan individu yang memiliki ciri kecemerlangan sepanjang hayat dari segi pendidikan mahupun keperibadiannya serta sumbangannya kepada masyarakat. Pada saya, seseorang individu perlulah memiliki nilai-nilai etika yang mulia untuk membantunya aktif dalam menyumbang kepada pelestarian budaya dan bahasa Melayu. Justeru, guru Bahasa Melayu memegang peranan penting dalam membentuk pelajar sebagai perintis generasi Melayu, menjadi Arif Budiman.

Ogos

Senarai tugasan	Ahad		4	11
	Isnin		5	12
	Selasa		6	13
	Rabu		7	14
	Khamis	1	8	15
	Jumaat	2	9 Hari Kebangsaan	16
	Sabtu	3	10	17

Senarai tugasan	Ahad	18	25	
	Isnin	19	26	
	Selasa	20	27	
	Rabu	21	28	
<p><i>"Teruslah menyemai ilmu, menjadi inspirasi dan membina impian di dalam diri pelajar sehingga akhir hayat."</i></p> <p>Dr Fawziyah Ali</p>	Khamis	22	29	
	Jumaat	23	30 Hari Guru	
	Sabtu	24	31	



Cikgu Nur Farahin Salleh **Sekolah Menengah** **Perempuan Cedar**

Kategori Teladan **Finalis**

Saya terlibat dalam perancangan aktiviti perkhemahan bahasa dan budaya serta konsert Hari Raya dengan kerjasama guru-guru Bahasa Melayu dan juga guru daripada Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu (MCS). Program ini melibatkan pelajar-pelajar Bahasa Melayu dan pelajar-pelajar Bahasa Melayu (Program Khas). Saya menggalakkan pelibatan pelajar dalam pelbagai pertandingan bahasa dan mendedahkan mereka kepada

persembahan seni. Saya juga memberikan sokongan dalam pengendalian aktiviti pengayaan dan darmawisata ke luar negara untuk pelajar-pelajar sekolah saya dalam Program Pengajian Serantau (RSP) sejak tahun 2015. Sepanjang kerjaya saya, saya bersyukur dapat berkongsi pengetahuan dan menimba ilmu daripada guru-guru berpengalaman semasa pelibatan saya dalam perkongsian formal dan tidak formal dengan guru-guru Bahasa Melayu (Program Khas) yang dikendalikan oleh Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan (MOELC) dan Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD).

Antara cabaran yang saya hadapi sebagai guru adalah untuk memastikan pelajaran saya seronok dan sesuai untuk tahap kebolehan pelajar. Pelajar-pelajar saya mempunyai kebolehan dan pendedahan yang rencam terhadap Bahasa Melayu. Oleh itu, saya sering berbincang bersama guru-guru lain untuk menjalankan aktiviti yang sesuai untuk mereka. Selain itu, saya menjalin hubungan yang mesra dengan pelajar-pelajar supaya saya dapat menyokong rakan-rakan guru kelas yang lain dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kesejahteraan mereka.



Saya gembira melihat perkembangan bekas pelajar-pelajar saya yang bergiat dalam kegiatan bahasa Melayu ataupun kesenian Melayu pos menengah. Saya berasa teruja apabila kegiatan yang mereka anjurkan dapat disaksikan atau melibatkan pelajar-pelajar yang saya ajar kini. Saya berpeluang untuk menari bersama-sama mereka yang pernah saya ajar dahulu. Ketika itu, saya masih bergiat aktif sebagai ahli alumni bersama kelab seni tari NUS Ilsa Tari. Terbukti, benih yang dipupuk di sekolah dahulu bersama guru-guru Unit Bahasa Melayu yang lain telah membuahkan hasil.

Sebagai pendidik, saya berharap pelajar-pelajar saya terbuka hati untuk mengenali seni Melayu dan terus melestarikannya. Saya juga berharap mereka yakin untuk menggunakan bahasa Melayu dan membiasakan penggunaannya dalam kehidupan. Selain mengejar kejayaan akademik, saya berharap mereka dapat menjadi pengaruh positif kepada orang di sekeliling mereka dan menyumbang kepada masyarakat. Seseorang yang arif budiman pada dasarnya mengenali jati dirinya sebagai orang Melayu dan memainkan peranan untuk menyokong keperluan masyarakatnya.

Bagi saya, bentuk gelang getah yang elastik dan dapat digunakan untuk mengikat mahupun dijadikan alat permainan menggambarkan pegangan saya sebagai pendidik. Saya guru yang fleksibel dalam menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan pelajar. Sebagaimana gelang getah dapat diregangkan, tugas saya adalah untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman baharu yang mencetuskan keinginan untuk terus mengasah kebolehan dan bakat mereka. Maka itu, saya percaya kerja berpasangan atau berkumpulan penting dalam menyokong pembelajaran setiap pelajar.

September

Senarai tugasan	Ahad	1	8	15
	Isnin	2	9	16
	Selasa	3	10	17
	Rabu	4	11	18
	Khamis	5	12	19
	Jumaat	6	13	20
	Sabtu	7	14	21

Senarai tugasan	Ahad	22	29	
	Isnin	23	30	
	Selasa	24		
	Rabu	25		
<p><i>"Ambil iktibar dalam setiap pengalaman kehidupan untuk mempertingkatkan diri kita."</i></p> <p>Cikgu Nur Farahin Salleh</p>	Khamis	26		
	Jumaat	27		
	Sabtu	28		

Oktober

Senarai tugasan	Ahad		6	13
	Isnin		7	14
	Selasa	1	8	15
	Rabu	2	9	16
	Khamis	3	10	17
	Jumaat	4	11	18
	Sabtu	5	12	19

Senarai tugasan	Ahad	20	27	
	Isnin	21	28	
	Selasa	22	29	
	Rabu	23	30	
<p><i>"Orang hebat bisa melahirkan beberapa karya bermutu, tetapi guru yang bermutu dapat melahirkan ribuan orang-orang hebat."</i></p>	Khamis	24	31 Deepavali	
	Jumaat	25		
	Sabtu	26		

November

Senarai tugasan	Ahad		3	10
	Isnin		4	11
	Selasa		5	12
	Rabu		6	13
	Khamis		7	14
	Jumaat	1	8	15
	Sabtu	2	9	16

Senarai tugasan	Ahad	17	24	
	Isnin	18	25	
	Selasa	19	26	
	Rabu	20	27	
<i>Berburu ke padang datar, dapat rusa belang kaki. Berguru kepalang ajar, Bagai bunga kembang tak jadi.</i>	Khamis	21	28	
	Jumaat	22	29	
	Sabtu	23	30	

Disember

Senarai tugasan	Ahad	1	8	15
	Isnin	2	9	16
	Selasa	3	10	17
	Rabu	4	11	18
	Khamis	5	12	19
	Jumaat	6	13	20
	Sabtu	7	14	21

Senarai tugasan	Ahad	22	29	
	Isnin	23	30	
	Selasa	24	31	
	Rabu	25 Hari Krismas	27	
<p><i>"Mengajar bukan sekadar menyampaikan pengetahuan, mengajar mengilhamkan pembaharuan."</i></p> <p>William Arthur Ward</p>	Khamis	26		
	Jumaat	27		
	Sabtu	28		

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2023 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir.

1. Encik Mohd Fahmi Aliman
Datuk Bandar, Daerah Tenggara
2. Dr Aidil Subhan Md Sulor
Pensyarah Kanan, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia,
NIE
3. Dr Elmie Nekmat
Penolong Profesor, Fakulti Kesenian dan Sains Sosial, NUS
4. Dr Norshahril Saat
Felow Kanan & Penyelaras, Program Pengajian Sosial dan Budaya
Serantau (RSCS) - Institut Yusof Ishak
5. Encik Daud Yusof
Timbalan Pengarah & Penyiar Kanan, BERITA Mediacorp
6. Puan Hanim Mohd Salleh
Editor Bersekutu, Berita Harian, SPH
7. Encik Hanafi Asmore
Pengetua, Sekolah Rendah Punggol Green
8. Puan Rasidah Rahim
Pengetua, Sekolah Menengah Clementi Town
9. Puan Norhayati Awang
Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS)

Menjunjung Budi

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2023 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat saringan.

1. Dr Kartini Anwar
Pensyarah, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE
2. Dr Suryani Atan
Fellow Pengajar, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE
3. Encik Amran Tasrif
Naib Pengetua, Sekolah Rendah North Vista
4. Encik Mohamed Nasim Abdul Rahim
Naib Pengetua, Sekolah Menengah Marsiling
5. Puan Rezina Khan
Naib Pengetua, Sekolah Rendah White Sands
6. Puan Siti Suhaila Sapihe
Naib Pengetua, Sekolah Rendah West View
7. Cikgu Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE
8. Cikgu Siti Faridah Omar
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE
9. Cikgu Asnah Asrap
Ahli, Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM)
10. Cikgu Rohan Nizam Basheer
Yang Dipertua, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Menjunjung Budi

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2023 mengucapkan terima kasih kepada individu berikut:

Penilai Peringkat Senarai Pendek

- ▶ Encik Tajudin Jaffar - Pakar Utama, MOE
- ▶ Cik Siti Fazila Ahmad - Pakar Peneraju, MOE
- ▶ Puan Pairah Satariman - Pegawai Projek, MOE
- ▶ Puan Haslindah Mispan - Pegawai Projek, MOE

Ilham dan Karya Tembikar AGAB 2023

- ▶ Encik Dexter Sim Yu Min dan Cik Claris Ang Gian Yi, Guru-guru Sekolah Rekaan dan Teknologi, Sekolah Menengah Westwood

Penulis dan Pembaca Watikah

- ▶ Cikgu Azhar Abdul Rashid
- ▶ Cikgu Amirul Asri
- ▶ Cikgu Nuraina Mohamed Sin

Pengacara

- ▶ Puan Nur Hafiza Osman
- ▶ Cikgu Zulhafiz Zainal

Pentadbir dan Eksekutif Media Sosial

- ▶ Cik Khadijah Johar

Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan penganugerahan AGAB 2023.



فرسانتون گورومباس ماديو

Berita Harian

